

PERINTAH DARURAT (AGENSI KESELAMATAN), 1999

PERATURAN-PERATURAN AGENSI KESELAMATAN, 2000

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa
2. Permohonan untuk mendapatkan lesen
3. Lesen agensi pengawal keselamatan
4. Bayaran untuk lesen agensi pengawal keselamatan
5. Butir-butir diri
6. Kertas pengenalan untuk pengawal keselamatan
7. Gambar dan butir-butir hendaklah dilekatkan pada kertas pengenalan
8. Penyata tahunan
9. Butir-butir diri penolong
10. Penolong berhenti kerja
11. Daftar pekerja
12. Perubahan butir-butir
13. Pertukaran perkongsian
14. Meminta maklumat
15. Tiada perubahan nama sehingga setelah pegawai melesen diberitahu
16. Penyerahan lesen
17. Penyerahan kertas pengenalan
18. Peralatan
19. Perlindungan maklumat
20. Kesalahan-kesalahan

21. Pernyataan palsu, dll.

22. Gambar dan cap jari

Jadual — Borang-Borang

Bil. S 35

PERINTAH DARURAT (AGENSI KESELAMATAN), 1999**PERATURAN-PERATURAN AGENSI KESELAMATAN, 2000**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 25 dari Perintah Darurat (Agensi Keselamatan), 1999, maka Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Agensi Keselamatan, 2000 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh yang sama sebagaimana Perintah Darurat (Agensi Keselamatan), 1999.

Permohonan untuk mendapatkan lesen

2. Suatu permohonan untuk mendapatkan lesen agensi pengawal keselamatan hendaklah dibuat dalam borang yang dinyatakan dalam Borang A dalam Jadual.

Lesen agensi pengawal keselamatan

3. Lesen agensi pengawal keselamatan hendaklah dalam borang yang dinyatakan dalam Borang B dalam Jadual.

Bayaran untuk lesen agensi pengawal keselamatan

4. (1) Bayaran yang kena dibayar bagi lesen agensi pengawal keselamatan adalah \$500 setahun atau sebahagian daripadanya.

(2) Bayaran yang kena dibayar bagi setiap salinan atau penggantian lesen agensi pengawal keselamatan adalah \$50.

Butir-butir diri

5. Pernyataan butir-butir diri yang dikemukakan menurut bab 12(1) dari Perintah tersebut kepada pegawai melesen oleh seseorang yang memohon pekerjaan untuk membantu dalam kerja pengawal keselamatan hendaklah dalam borang yang dinyatakan dalam Borang C dalam Jadual.

Kertas pengenalan untuk pengawal keselamatan

6. Suatu kertas pengenalan yang dikeluarkan menurut bab 13 dari Perintah tersebut kepada seseorang yang digaji sebagai pengawal keselamatan dalam suatu agensi pengawal keselamatan hendaklah dalam borang yang dinyatakan dalam Borang D dalam Jadual.

Gambar dan butir-butir hendaklah dilekatkan pada kertas pengenalan

7. (1) Gambar yang saiz dan bentuknya sesuai untuk pasport orang yang hendak dikeluarkan dengan suatu kertas pengenalan hendaklah dilekatkan pada kertas pengenalan itu.

(2) Saiz kertas pengenalan dalam borang yang dinyatakan dalam Borang D dalam Jadual hendaklah berukuran 10.5 cm kali 14.8 cm dan borang ini hendaklah dicetak pada kertas putih dengan dakwat hitam.

Penyata tahunan

8. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah mengemukakan kepada pegawai melesen suatu penyata tahunan mengenai semua orang yang digaji olehnya untuk membantunya dalam kerja sebagai pengawal keselamatan dalam perniagaannya dalam borang yang dinyatakan dalam Borang E dalam Jadual.

(2) Penyata tahunan itu hendaklah dibuat pada masa sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh pegawai melesen.

Butir-butir diri penolong

9. Apabila seseorang pemegang lesen menggaji mana-mana orang untuk membantunya dalam kerja sebagai pengawal keselamatan, pemegang lesen itu hendaklah, dalam masa 14 hari dari pengajian orang itu, mengemukakan kepada pegawai melesen butir-butir diri yang lengkap orang itu seperti berikut —

- (a) nama;
- (b) nombor kad pengenalan;
- (c) nombor kad pengenalan yang dahulu;
- (d) bangsa;
- (e) jantina;
- (f) tarikh lahir;
- (g) kerakyatan;
- (h) alamat rumah;
- (i) tarikh mula bekerja; dan
- (j) nombor bersiri kertas pengenalan yang dikeluarkan oleh pemegang lesen kepada orang itu menurut bab 13 dari Perintah tersebut.

Penolong berhenti kerja

10. Apabila seseorang yang digaji oleh seseorang pemegang lesen untuk membantunya dalam kerja pengawal keselamatan berhenti kerja, pemegang lesen itu hendaklah, dalam masa 14 hari dari pemberhentian kerja orang itu, memberitahu pegawai melesen tentang perkara ini.

Daftar pekerja

11. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah pada setiap masa menyelenggara suatu daftar yang kemaskini mengenai semua orang yang digaji olehnya untuk membantunya dalam kerja sebagai pengawal keselamatan.

(2) Daftar itu hendaklah mengandungi butir-butir diri yang ditetapkan dalam peraturan 9.

Perubahan butir-butir

12. Seseorang pemegang lesen hendaklah, dalam masa 14 hari dari sebarang perubahan yang berlaku pada sebarang butir yang diisytiharkan oleh pemegang lesen dalam permohonannya untuk mendapatkan lesen, memberitahu pegawai melesen secara bertulis mengenai perubahan itu.

Pertukaran perkongsian

13. (1) Apabila suatu lesen diberikan kepada suatu perkongsian dan terdapat pertukaran pada perkongsian itu, perkongsian baru hendaklah, dalam masa 14 hari dari pertukaran itu, membuat suatu permohonan bertulis supaya lesen itu dipindahkan kepadanya dan pegawai melesen boleh atas budi bicaranya membenarkan pemindahan lesen itu.

(2) Bayaran sebanyak \$45 hendaklah kena dibayar atas pertukaran lesen tersebut.

Meminta maklumat

14. (1) Pegawai melesen boleh pada bila-bila masa dengan notis secara bertulis menghendaki seseorang pemegang lesen untuk memberikan kepadanya, dalam masa 14 hari dari notis itu, sebarang maklumat yang mungkin dikehendakinya berkenaan dengan perniagaan atau pekerja-pekerja pemegang lesen itu.

(2) Seseorang pemegang lesen yang gagal mematuhi suatu notis yang diberikan di bawah peraturan kecil (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$2,000 atau dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari satu tahun.

Tiada perubahan nama sehingga setelah pegawai melesen diberitahu

15. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah tidak mengubah alamat perniagaannya atau nama yang di bawahnya perniagaannya dijalankan sehingga dia telah memberitahu pegawai melesen secara bertulis mengenai perubahan yang

dicadangkan itu dan pegawai melesen telah memberi kebenaran bertulis bagi perubahan tersebut.

(2) Bayaran sebanyak \$35 hendaklah kena dibayar atas perubahan alamat atau nama yang di bawahnya perniagaan itu dijalankan.

Penyerahan lesen

16. Jika suatu lesen dibatalkan dengan perintah pegawai melesen, pemegang lesen itu hendaklah, dalam masa 14 hari dari perintah pembatalan tersebut berkuatkuasa, menyerahkan lesen itu kepada pegawai melesen.

Penyerahan kertas pengenalan

17. Jika suatu lesen dibatalkan dengan perintah pegawai melesen, pemegang lesen itu hendaklah, dalam masa 14 hari dari perintah pembatalan tersebut berkuatkuasa, menyerahkan kepada pegawai melesen semua kertas pengenalan yang dikeluarkannya kepada pekerja-pekerjanya.

Peralatan

18. Seseorang pemegang lesen hendaklah tidak mengeluarkan kepada pekerja-pekerjanya atau membenarkan mereka untuk menggunakan sebarang pakaian seragam, lencana, lambang, peralatan perhubungan radio dua-hala, gari, belantan, siren, topi keselamatan, pendorong gas, lampu strob, alat mekanikal atau elektronik atau peralatan lain, tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis daripada pegawai melesen.

Perlindungan maklumat

19. Tiada sesiapa pun boleh, melainkan bagi melaksanakan kewajipan-kewajipannya atau semasa menjalankan perniagaannya, mendedahkan sebarang maklumat yang bersifat peribadi atau sulit yang diperolehinya atau yang sampai ke pengetahuannya, semasa menjalankan kewajipan-kewajipannya sebagai pengawal keselamatan.

Kesalahan-kesalahan

20. (1) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana dari Peraturan-Peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di mana tiada hukuman diperuntukkan dengan nyata hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$4,000 atau dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari satu tahun.

Pernyataan palsu, dll

21. Mana-mana orang yang dalam sebarang borang, dokumen, penyata atau notis yang dikemukakan kepada pegawai melesen atau dalam sebarang daftar yang dia dikehendaki untuk menyelenggaranya di bawah Peraturan-Peraturan ini membuat sebarang pernyataan yang palsu atau memberi sebarang butir yang palsu atau dengan mengetahui tidak memberi sebarang butir yang dikehendaki untuk

diberikan adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$4,000.

Gambar dan cap jari

22. Pegawai melesen boleh, pada bila-bila masa, menghendaki pengambilan dan perekodan gambar dan cap jari orang-orang yang memohon untuk mendapatkan lesen dan tiap-tiap orang yang digaji oleh seseorang pemegang lesen atau memohon pekerjaan dengan seseorang pemegang lesen.

JADUAL

Peraturan 2

BORANG A

PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI

PERINTAH DARURAT (AGENCI KESELAMATAN), 1999
PERATURAN-PERATURAN AGENCI KESELAMATAN, 2000

PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN LESEN BAGI MENJALANKAN
PERNIAGAAN AGENCI PENGAWAL KESELAMATAN

Nota:

1. 3 salinan borang ini mestilah lengkap diisikan dan dikemukakan kepada pegawai melesen, iaitu Pesuruhjaya Polis, Ibu Pejabat Polis, Gadong BE1710.
2. 3 salinan gambar terbaru yang saiz dan bentuknya sesuai untuk pasport pemohon dan orang-orang yang disebutkan dalam perenggan B borang ini mestilah disertakan dengan permohonan ini.

A. BUTIR-BUTIR PEMOHON

Nama (dalam HURUF BESAR, gariskan Nama Keluarga)

Nama lain, jika ada

Alamat

Tarikh Lahir	Tempat Lahir	Kerakyatan	Jantina	No. Kad Pengenalan Dahulu	No. KP (dengan rujukan rasmi)

B. BUTIR-BUTIR PERNIAGAAN

Nama Perniagaan	No. Pendaftaran Perniagaan

Alamat Perniagaan

JADUAL – sambungan**BORANG A – sambungan**

Jenis Perniagaan
(Tandakan/dalam
kotak (kotak-kotak)
yang berkenaan

☐

Keempunyaan
Tunggal

☐

Perkongsian

☐

Syarikat yang
diperbadankan
di bawah Akta
Syarikat-Syarikat

Jika perniagaan itu adalah suatu perkongsian, nyatakan nama, alamat dan nombor KP rakan-rakan kongsi.

Nama	Alamat	No. KP

Jika perniagaan itu adalah suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat-Syarikat, nyatakan nama, alamat dan nombor Kad Pengenalan Pengarah-Pengarah, Pengurus dan Setiausaha.

Nama	Alamat	No. KP	Lantikan

C. PENGAKUAN

Saya, yang bertandatangan di bawah ini, mengaku bahawa semua butir yang dinyatakan dalam borang ini adalah benar dan betul.

Tarikh :

.....
Tandatangan Pemohon

JADUAL – *sambungan*

Peraturan 3

BORANG B

No. Lesen

PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI

**PERINTAH DARURAT (AGENSI KESELAMATAN), 1999
PERATURAN-PERATURAN AGENSI KESELAMATAN, 2000**

LESEN UNTUK MENJALANKAN PERNIAGAAN AGENSI PENGAWAL KESELAMATAN

Nama Pemegang Lesen

No. KP/No. Pendaftaran Perniagaan

Nama Perniagaan

Alamat Perniagaan

Tarikh Lesen Dikeluarkan	Tarikh Lesen Tamat Tempoh
--------------------------	---------------------------

Syarat-Syarat

Bayaran diterima (dalam perkataan dan angka)

(\$.....)

Pemegang lesen yang namanya disebutkan di atas adalah dibenarkan untuk menjalankan perniagaan agensi pengawal keselamatan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah Darurat (Agensi Keselamatan), 1999, Peraturan-Peraturan yang disebutkan di atas dan syarat-syarat yang dicatatkan di sini.

.....
Pegawai Melesen

JADUAL – sambungan*Peraturan 5***BORANG C****PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI****PERINTAH DARURAT (AGENCI KESELAMATAN), 1999
PERATURAN-PERATURAN AGENCI KESELAMATAN, 2000****PENGEMUKAAN BUTIR-BUTIR DIRI OLEH ORANG YANG MEMOHON
PEKERJAAN SEBAGAI PENGAWAL KESELAMATAN**

Nota:

1. 3 salinan borang ini mestilah lengkap diisikan dan dikemukakan kepada pegawai melesen, iaitu Pesuruhjaya Polis, Ibu Pejabat Polis, Gadong BE1710.
2. 2 salinan gambar terbaru yang saiz dan bentuknya sesuai untuk passport orang yang mengemukakan butir-butirnya mestilah disertakan dengan permohonan ini.

Nama (dalam HURUF BESAR, gariskan Nama Keluarga)					
Nama lain, jika ada					
Alamat				Bangsa	
Tarikh Lahir	Tempat Lahir	Kerakyatan	Jantina	No. Kad Pengenalan yang Dahulu	No. KP (dengan rujukan rasmi)
Nama dan alamat Agensi Keselamatan yang awda memohon pekerjaan				No. Lesen Agensi	
Nama-nama kelab, persatuan, pertubuhan atau organisasi yang awda adalah ahlinya					

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

JADUAL – sambungan

BORANG C – sambungan

Pekerjaan dahulu, jika ada (mengikut susunan kronologi)

Hendaklah diisikan oleh pemohon untuk mengisytiharkan 2 orang referi yang boleh memberi maklumat latar belakang yang sebenar sebagai tambahan kepada Tapisan Keselamatan dalam tempoh kira-kira 5 tahun terakhir.	
Referi 1: Nama Penuh:	Alamat Tetap:
Berapa tahun kenal: Pekerjaan:	No. Telefon:
Referi 2: Nama Penuh:	Alamat Tetap:
Berapa tahun kenal: Pekerjaan:	No. Telefon:

Kesalahan-kesalahan dahulu, jika ada

PENGAKUAN

Saya, yang bertandatangan di bawah ini, mengaku bahawa semua butir yang dinyatakan dalam borang ini adalah benar dan betul.

.....
Tandatangan orang yang mengemukakan butir-butir

Tarikh:

JADUAL - *sambungan**Peraturan 6*

BORANG D

KERTAS PENGENALAN

No. Bersiri

PEMEGANG

Nama:

No. KP:

Tandatangan:

Gambar
pemegang

MAJIKAN

Nama:

No. Lesen:

Tandatangan:

Tarikh:

Pemegang Kertas ini, yang gambarnya dilekatkan di sini, adalah digaji oleh saya/kami sebagai pengawal keselamatan dalam perniagaan saya/kami sebagai agensi pengawal keselamatan. Pekerjaan ini tidak memberikan kepadanya kuasa-kuasa seorang pegawai polis.

JADUAL – sambungan

Peraturan 8

BORANG E

PERINTAH DARURAT (AGensi KESELAMATAN), 1999
PERATURAN-PERATURAN AGensi KESELAMATAN, 2000

PENYATA PEKERJA-PEKERJA					Nama Agensi			No. Lesen		
No. Bersiri	Nama	No. KP	Tarikh Lahir	Taraf Kerakyatan	Bangsa	Jantina	Alamat Rumah	Lantikan	Tarikh nama difailkan dengan Pegawai Melesen	Ulasan

..... Tarikh

..... Nama Pemegang Lesen

..... Tandatangan Pemegang Lesen

Diperbuat pada hari ini 7 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1421 bersamaan dengan 11 haribulan Mei, 2000.

PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA BAKTI DIRAJA
DATO LAILA UTAMA HAJI AWANG ISA
BIN PEHIN DATU PERDANA MANTERI
DATO LAILA UTAMA HAJI AWANG IBRAHIM
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.